

## Konsep *Ḥiyāl* dalam Perkahwinan: Satu Tinjauan Awal

### *[The Concept of Ḥiyāl in Marriage: A Preliminary Review]*

Ahmad Syakir Mohd Nassuruddin<sup>1</sup>, Mohd Zain Mubarak<sup>2</sup>, Zulfaqar Mamat<sup>3</sup> & A'inaa Lyana Amanina Mohd Zaim<sup>4</sup>

- <sup>1</sup> (Corresponding Author) Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730 Kota Bharu, Malaysia, Email: syakir@kias.edu.my
- <sup>2</sup> Fakulti Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Malaysia, Email: mzain@umk.edu.my
- <sup>3</sup> Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Antarabangsa Malaysia, 71800 Nilai, Malaysia, Email: zulfaqar@usim.edu.my
- <sup>4</sup> Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730 Kota Bharu, Malaysia, Email: ainaazaim2204@gmail.com.

#### ABSTRACT

*Ḥiyāl is the ability to find a way out of a legal problem using certain methods. Ḥiyāl occurs either in worship, muamalat, or crime, including marriage. Ḥiyāl in this marriage is more focused on the issues prescribed by the Sharia even though scholars differ in their application. However, the scope of practising ḥiyāl in today's marriages is growing and requires in-depth analysis. Therefore, the objective of this study is to explain the concept of ḥiyāl in marriage based on the views of the majority of scholars. In the meantime, the study also identifies the form of ḥiyāl in marriage and the application of law to it. The research uses a qualitative form through the library method. Data collection for this study draws from multiple sources, including classical Islamic jurisprudence texts, contemporary scholarly works, academic journal articles, theses, scholarly publications, and research reports. Thus, data was analysed using a content analysis approach through predetermined themes. The study results found that ḥiyāl in marriage is more likely not to fulfil the maqāsid and purpose in marriage. This is because some of the definitions of ḥiyāl can lead to negative connotations, but some scholars require the use of ḥiyāl as long as it does not conflict with the maqasid of syarak. Ḥiyāl in marriage is divided into five forms, namely Nikah Taḥlīl, Nikah Mut'ah, Nikah Syighār, Nikah Misyār and Nikah Sirri. The determination of the law for these five forms of ḥiyāl is subject to maslahah to ensure harmony and integrity of the household can be achieved.*

**Keywords:** *Ḥiyāl; marriage; munakahat*

---

## ABSTRAK

*Ḥiyāl* adalah suatu kemampuan dalam mencari jalan keluar dari suatu permasalahan hukum menggunakan metode-metode yang tertentu. *Ḥiyāl* berlaku sama ada dalam konteks ibadah, muamalat, jinayat termasuklah perkahwinan. *Ḥiyāl* dalam perkahwinan ini lebih tertumpu kepada permasalahan yang dinaskan oleh syarak walaupun ulama berbeza pendapat dalam mengaplikasikannya. Walau bagaimanapun, skop pengamalan *ḥiyāl* dalam perkahwinan masa kini semakin berkembang serta memerlukan analisis yang mendalam. Justeru itu, objektif kajian ini bertujuan untuk menjelaskan konsep *ḥiyāl* dalam perkahwinan berdasarkan pandangan jumhur ulama. Dalam pada itu, kajian juga mengenal pasti bentuk *ḥiyāl* dalam perkahwinan serta penilaian hukum terhadapnya. Kajian yang dilaksanakan ini menggunakan bentuk kualitatif melalui metode kepustakaan. Data yang dikumpul adalah bersumberkan kitab fiqh klasik, karya ulama kontemporari, artikel jurnal, tesis, buku ilmiah dan laporan penyelidikan. Manakala data dianalisis melalui pendekatan analisis kandungan melalui tema yang ditetapkan. Hasil kajian mendapati *ḥiyāl* dalam perkahwinan lebih cenderung tidak memenuhi maqāsid serta tujuan dalam perkahwinan. Hal ini kerana, sebahagian takrifan *ḥiyāl* boleh membawa kepada konotasi negatif, namun ada sebahagian ulama mengharuskan pemakaian *ḥiyāl* selama mana ia tidak bertentangan dengan maqasid syarak. *Ḥiyāl* dalam perkahwinan dipecahkan kepada lima bentuk iaitu Nikah Taḥlīl, Nikah Mut'ah, Nikah Syighār, Nikah Misyār dan Nikah Sirri. Penetapan hukum bagi lima bentuk *ḥiyāl* ini adalah tertakluk kepada pertimbangan *masalah* demi memastikan keharmonian dan keutuhan rumah tangga dapat dicapai.

**Kata Kunci:** *Ḥiyāl*; nikah; munakahat;

### How to Cite:

Received: 17-10-2024  
Revised: 13-11-2024  
Accepted: 18-11-2024  
Published: 20-11-2024

Nassuruddin, A. A. M., Mubarak, M. Z., Mamat, Z. & Zaim, A. L. A. M. (2024). Konsep *Ḥiyāl* dalam Perkahwinan Satu Tinjauan Awal. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 133-149.

## 1. Pendahuluan

Perkahwinan merupakan sebuah institusi asas dalam sebuah masyarakat Islam. Institusi ini berperanan untuk memelihara keharmonian dan memastikan nilai-nilai Syariah dilaksanakan dengan baik. Dalam konteks fiqh, perkahwinan bukan hanya sekadar kontrak akad nikah, namun merangkumi pelbagai dimensi ibadah yang menuntut pematuhan terhadap seluruh tanggungjawab sebagai suami dan isteri. Allah SWT telah menyebutkan dalam al-Quran;

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ  
يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir (Al-Rum, 30:21).

Ayat di atas menggariskan bahawa objektif perkahwinan adalah supaya kamu bersenang hati dan hidup dalam keadaan mesra serta berkasih sayang. Anjuran itu bertujuan untuk menjaga kesejahteraan masyarakat, melindungi keturunan, dan memenuhi maqasid syariah (al-Khallaf, 2016). Namun, dalam pelaksanaan proses perkahwinan, terdapat keadaan di mana pihak-pihak tertentu mencari jalan mengelak atau melonggarkan syarat-syarat ini melalui pengamalan *hiyāl*.

*Hiyāl* secara literal bermaksud helah atau jalan keluar, merujuk kepada penggunaan kaedah hukum yang secara zahirnya mematuhi peraturan syariah tetapi pada hakikatnya bertujuan mencapai matlamat tertentu yang mungkin bertentangan dengan semangat atau hikmah syariah. Dalam konteks perkahwinan, *hiyāl* sering digunakan untuk menghindari syarat-syarat perundangan sama ada untuk mempercepatkan pernikahan, mengelakkan campur tangan pihak berautoriti atau kerana faktor-faktor sosial tertentu seperti kehamilan luar nikah (Md Said, et al, 2020).

Oleh yang demikian, kajian ini penting bagi mendapatkan penjelasan tentang konsep *hiyāl* dalam perkahwinan, mengenal pasti bentuk *hiyāl* dalam perkahwinan serta meneliti aplikasi hukum terhadap *hiyāl* dalam perkahwinan.

## 2. Konsep *Hiyāl*

### 2.1 Definisi *Hiyāl*

*Hiyāl* adalah istilah Arab bermaksud helah dan ia membawa kepada dua bentuk makna yang berbeza iaitu makna positif dan juga negatif. Dari sudut bahasa, *hiyāl* ialah kemahiran dan kebolehan dalam mentadbir sesuatu dengan baik (Ibn Manzur, 1993) ataupun tipu daya dalam menukarkan sesuatu benda

untuk mencapai matlamat tertentu (Ibrahim Anis, 2004). Manakala *hiyāl* dari sudut istilah adalah kebijaksanaan dalam menguruskan sesuatu perkara mengikut pertimbangan akal dalam mencari jalan penyelesaian untuk mencapai sesuatu maksud (Ibn Nujaym, 2019) serta menghindari daripada sesuatu yang haram (Al-Sarkhasi, 2000). Secara zahirnya, hukum perbuatan tersebut adalah harus, tetapi berlakunya perbuatan *hiyāl* demi membatalkan syarak untuk menukarkan kepada hukum yang lain (Al-Shatibi, 1999).

Perkataan yang sama erti dengan *hiyāl* ialah *makhārij*. *Makhārij* bermaksud tempat/jalan keluar atau jalan penyelesaian yang digunakan untuk keluar daripada kesempitan bagi mencapai sesuatu maksud yang tidak bertentangan dengan maqasid Syariah (Al-Jawziyyah, 2012). Istilah *hiyāl* lebih bersifat umum yang merangkumi jalan yang dibenarkan mahupun tidak dibenarkan. Manakala *makhārij* adalah khas pada jalan yang dibenarkan sahaja. Istilah lain yang seerti dengan *hiyāl* ialah perkataan *khida'* yang bermaksud menghubungkan sesuatu perkara kepada yang lain secara tersembunyi (Ibn Manzur, 1993).

## 2.2 Dalil al-Quran dan Hadis

### i. Al-Quran:

Al-Quran adalah Kitab Allah yang menjadi petunjuk kepada umat Islam yang mana Allah SWT telah menjelaskan kesemua perihal kehidupan di dunia mahupun di akhirat. Dalil yang pertama adalah disebutkan perkataan *hiyāl* dalam surah al-Nisa' dengan firman Allah SWT:

إِلَّا الْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانَ لَا يَسْتَطِيعُونَ حِيلَةً وَلَا يَهْتَدُونَ سَبِيلًا

Terjemahan: Kecuali orang-orang yang lemah (lagi uzur) dari kaum lelaki dan perempuan serta kanak-kanak, yang tidak berdaya upaya mencari *hiyāl* (untuk melepaskan diri) dan tidak pula mengetahui sesuatu jalan (untuk berhijrah) (Al-Nisa', 4:98).

Berdasarkan ayat ini, secara literalnya Allah SWT memberikan kelonggaran ke atas golongan yang tidak berupaya untuk berhelah semasa berhijrah ke Madinah, bahkan tidak menganggap golongan ini daripada golongan ahli neraka. Menurut al-Qurtūbī, perkataan *hiyāl* (حيلة) di dalam ayat ini adalah merupakan lafaz am yang bermaksud jalan keluar bagi melepaskan diri daripada kekangan orang-orang kafir ketika itu. Golongan yang tidak berjaya berhijrah ke Madinah akibat tentangan golongan kafir Quraisy serta

tidak berkemampuan, sesungguhnya golongan ini tidak berdosa dan diampunkan perbuatan tersebut (Al-Zuhaily, 2012).

فَلَمَّا جَهَّزَهُمْ بِجَهَّازِهِمْ جَعَلَ السَّقَايَةَ فِي رَحْلِ أَخِيهِ ثُمَّ أَدَّانَ مُؤَدِّنًا أَيُّهَا الْعَبْرُ إِنَّكُمْ لَسَارِقُونَ (٧٠)

Terjemahan: Maka ketika ia membekalkan mereka dengan bekalan makan (yang mencukupi keperluan) mereka, lalu ia meletakkan bijana minuman raja di kenderaan saudaranya (Bunyamin), kemudian menyeru seorang penyeru: “Wahai orang-orang kafilah ini, sesungguhnya kamu adalah pencuri” (Yusuf, 12:70).

Ayat kedua pula menyebut dalam surah Yusuf, ayat 70 menceritakan tentang *hiyāl* yang digunakan oleh Nabi Yusuf AS dalam menyelamatkan adiknya, Bunyamin daripada kejahatan adik beradiknya yang lain. Kisah ini bermula pada ayat 69 sehingga 75, menceritakan bentuk *hiyāl* yang digunakan Nabi Yusuf AS iaitu dengan cara meletakkan gelas atau tempat minuman diperbuat daripada emas, bahkan ianya milik raja ke dalam beg adiknya supaya adiknya ditangkap oleh pengawal atas tuduhan mencuri. Tindakan licik Nabi Yusuf AS adalah kerana baginda tahu akan undang-undang di Kan'an yang disyariatkan oleh Nabi Ya'qub AS, yang mana apabila seseorang itu ditangkap mencuri bahkan ada buktinya, maka hukumannya adalah pencuri itu akan menjadi hamba kepada mangsa kecurian tersebut. Jelaslah bahawa tindakan baginda AS ini dikatakan *hiyāl* atau helah dengan bertujuan untuk menjadikan adiknya kekal bersamanya di Mesir walaupun sebagai hamba kepadanya (Ibn Kathir, 2006).

## ii. Hadis

Seterusnya, *hiyāl* berdasarkan kepada dalil daripada hadis. Antara hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Dawud AS:

أَخْبَرَنِي أَبُو أَمَامَةَ بْنُ سَهْلٍ بْنُ حُنَيْفٍ أَنَّهُ أَخْبَرَهُ بَعْضُ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ مِنَ الْأَنْصَارِ أَنَّهُ اشْتَكَى رَجُلًا مِنْهُمْ حَتَّى أَضْنَى فَعَادَ جِلْدَةً عَلَى عَظْمٍ، فَدَخَلْتُ عَلَيْهِ جَارِيَةً لِبَعْضِهِمْ فَهَشَّ لَهَا فَوْقَ عَليهَا، فَلَمَّا دَخَلَ عَلَيْهِ رِجَالُ قَوْمِهِ يَعُودُونَهُ أَخْبَرَهُمْ بِذَلِكَ، وَقَالَ: اسْتَفْتُوا لِي رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَإِنِّي قَدْ وَقَعْتُ عَلَى جَارِيَةٍ دَخَلْتُ عَلَيْي.

فَدَكَّرُوا ذَلِكَ لِرَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَقَالُوا: مَا رَأَيْنَا بِأَحَدٍ مِنَ النَّاسِ مِنَ الضَّرِّ مِثْلَ الَّذِي هُوَ بِهِ لَوْ حَمَلْنَاهُ إِلَيْكَ لَتَفَسَّحَتْ عِظَامُهُ مَا هُوَ إِلَّا جِلْدٌ عَلَى عَظْمٍ، فَأَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَنْ يَأْخُذُوا لَهُ مِائَةَ شِمْرَاحٍ فَيَضْرِبُوهُ بِهَا ضَرْبَةً وَاحِدَةً.

Terjemahan: Abū Umāmah Ibn Sahl Ibn Hunayf mengkhabarkan kepadaku bahawa ada sahabat Rasulullah SAW dari golongan Ansar memberitahunya tentang seorang lelaki yang menderita kesakitan hingga kelihatan tulangnya. Seorang hamba wanita milik orang lain menziarahinya, lalu mereka melakukan hubungan seksual. Pesakit tersebut memberitahu kepada golongan lelaki yang datang menziarahinya. Dia berkata: “Mohon bertanya kepada Rasulullah untukku mengenai hukum perbuatan zina yang telah aku lakukan”. Maka mereka menceritakan perkara tersebut kepada Rasulullah dengan berkata: “Kami tidak pernah melihat seseorang yang lebih lemah akibat kesakitan yang dihadapinya, sekiranya kami membawanya kepada engkau wahai Rasulullah, sudah pasti akan terlerai tulangnya serta badannya hanya tinggal kulit dan tulang”. Maka Rasulullah SAW menyuruh mereka mengambil seratus ranting kayu dan memukulnya dengan sekali sebatan sahaja [Sunan Abū Dāwūd, no. Hadis 4472].

Hadis di atas menceritakan tentang kisah seorang lelaki daripada golongan Ansar yang dalam keadaan sakit telah melakukan perbuatan zina bersama seorang hamba milik orang lain. Perbuatan zina ini dilakukan ketika beliau masih dalam keadaan sakit. Maka telah timbul rasa kekesalan dengan perbuatan terkutuk itu, lalu beliau mengadu kepada Rasulullah SAW. Demikian keadaan lelaki tersebut yang sedang sakit tenat, lalu diarahkan agar disebat dengan sekali sebatan menggunakan ranting yang diikat seratus batang. Menurut al-Syawkānī, hukuman sedemikian adalah merupakan suatu *hiyāl* yang dibenarkan oleh syarak sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Sad ayat 44 yang bermaksud: *Dan (Kami perintahkan lagi kepadanya): “Ambillah dengan tanganmu seikat jerami kemudian pukullah (isterimu) dengannya; dan janganlah engkau merosakkan sumpahmu itu”*.

Hadis lain yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri, Abū Hurayrah RA meriwayatkan:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ اسْتَعْمَلَ رَجُلًا عَلَى خَيْرٍ، فَجَاءَهُ بَتَمْرٍ جَنِيْبٍ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: أَكُلْتُ تَمْرَ خَيْرٍ هَكَذَا؟ قَالَ: لَا وَاللَّهِ، يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّا لَنَأْخُذُ الصَّاعَ مِنْ هَذَا بِالصَّاعَيْنِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: لَا تَفْعَلْ، بَعِ الْجَمْعَ بِالْدِرَاهِمِ، ثُمَّ ابْتِعْ بِالْدِرَاهِمِ جَنِيْبًا.

Terjemahan: Rasulullah SAW telah menggajikan seorang pekerja untuk menguruskan kebun tamar di Khaibar. Lalu pekerja baginda mendatangi Rasulullah sambil membawa sejenis tamar. Baginda bertanya, “Adakah semua tamar di kebun ini jenis yang sama?” Lalu dijawab oleh pekerja beliau, “Tidak wahai Rasulullah, sesungguhnya kami mengambil satu sha’ tamar jenis ini lalu digantikan dengan dua sha’ tamar jenis lain. Rasulullah menjawab. “Jangan lakukan sedemikian, jual kembali tamar tersebut dengan dirham kemudian belilah menggunakan dirham tersebut kurma yang baik [Ṣaḥīḥ al-Bukhari no. Hadis 2201, hadis ini Ṣaḥīḥ].

Berdasarkan penelitian ke atas beberapa hadis di atas, kebanyakan tindakan *ḥiyāl* ini lebih menjurus kepada jalan keluar atau ‘makhraj’ mengikut kesesuaian situasi berlaku malah ianya diharuskan oleh syarak. Akan tetapi, *ḥiyāl* dalam pembayaran zakat adalah di bawah hadis yang dilarang kerana zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib ditunaikan apabila mencapai tahap berkemampuan. Sebarang keengganan dalam menunaikan kewajipan ini adalah haram. Akhir sekali, dalam situasi darurat yang melibatkan nyawa, hukumnya adalah diharuskan untuk ber*ḥiyāl* demi menjaga kemaslahatan nyawa.

### 2.3 Hukum *Ḥiyāl*

Hakikatnya tiada nas yang membatalkan semua bentuk *ḥiyāl* tetapi perkara yang membuatkan ianya terbatal apabila *ḥiyāl* tersebut bertentangan dengan maqasid syarak maka secara jelasnya ianya terbatal. Sebagaimana penjelasan Ibn Qayyīm di dalam kitabnya bahawa *ḥiyāl* dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pertama, *ḥiyāl* yang diharamkan dan kedua, *ḥiyāl* yang diharuskan.

Pertama, maksud *ḥiyāl* yang diharamkan adalah *ḥiyāl* yang dilakukan dengan tujuan dan cara yang haram. Sebagai contoh, meminum arak sehingga mabuk sebelum waktu solat sehingga habis waktu solat dengan tujuan agar terbatalnya kewajipan menunaikan solat ke atas dirinya kerana hilang akal (mabuk) atau kewarasan mental. Faktor ini dikategorikan *ḥiyāl* yang haram apabila melaksanakan sesuatu dengan cara yang halal tetapi tujuannya haram. Sebagai contoh, menculaskan diri daripada membayar zakat dengan menghadiahkan harta.

Kedua, *ḥiyāl* yang diharuskan bermaksud jalan yang digunakan adalah untuk mencapai tujuan yang baik dan tidak bertentangan dengan Syarak sama ada bagi menegakkan suruhan Allah atau meninggalkan larangan-Nya.

Dua pembahagian *hiyāl* menurut Ibn Qayyīm ini memberikan gambaran yang jelas tentang penggunaan *hiyāl* dalam Islam. Walaupun terdapat garis panduan daripada para ulama, namun perbincangan tentang *hiyāl* masih lagi berlangsung terutamanya dalam bab perkahwinan kerana boleh menimbulkan perkara baik ataupun buruk sekiranya *hiyāl* digunakan dalam perkahwinan.

### 3. Konsep Perkahwinan (*Munākahāt*) dalam Islam

Perkahwinan dalam bahasa Arab ialah *munākahāt* dan dari sudut terminologinya ialah pengumpulan, percantuman, persetubuhan serta akad. Manakala dari sudut syarak, perkahwinan adalah suatu akad yang menghalalkan sebuah pergaulan di antara lelaki dan perempuan berdasarkan rukun dan syarat yang ditetapkan (Al-Ghazzi, 2020). Al-Khallaf pula (2017) menakrifkan perkahwinan adalah sebagai kontrak yang memberikan faedah kepada seseorang untuk tujuan keseronokan yang diharuskan oleh syarak.

Allah SWT menyebutkan perkataan *nakaḥa* atau *al-nikāḥ* dalam al-Quran sebanyak 24 perkataan yang membicarakan tentang perkahwinan di antara lelaki dan perempuan. Antaranya firman Allah SWT:

فَأَنْكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَنْ نِئْتُمْ وَتَلْتُمْ وَرَبِّعْ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكُمْ  
أَدْنَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا

Terjemahan: Maka berkahwinlah kamu dengan wanita-wanita yang disenangi dua, tiga ataupun empat. Jikalau kamu takut untuk berlaku adil, maka kahwinilah seorang sahaja (Al-Nisa', 4:3).

Berdasarkan ayat di atas, Islam menganjurkan umatnya supaya berkahwin sama ada dua, tiga ataupun empat (isteri). Sekiranya tidak mampu untuk berlaku adil, maka cukup sekadar berkahwin seorang isteri sahaja. Ini membuktikan bahawa Islam sangat meraikan fitrah semula jadi dan keinginan lelaki dalam membina rumah tangga. Walau bagaimanapun, syarak meletakkan panduan jelas dalam bab kemampuan. Selagi mana lelaki mampu untuk berlaku adil, maka diharuskan untuk berkahwin sehingga empat orang isteri. Sebaliknya jika tidak mampu, maka cukup sekadar seorang isteri sahaja.

Pensyariatan perkahwinan juga berdasarkan kepada nas hadis Rasulullah SAW. Hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud RA, Rasulullah SAW bersabda:



يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغْضُ لِلْبَصْرِ وَأَخْصَنُ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ  
بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ

Terjemahan: Wahai para pemuda! Sesiapa di antara kamu telah mampu berkahwin, maka bernikahlah. Kerana nikah itu dapat menundukkan mata dan memelihara faraj. Dan sesiapa yang belum mampu, maka hendaklah berpuasa kerana puasa itu dapat menjadi perisai baginya membendung syahwat [Ṣaḥīḥ al-Bukhari, no. Hadis 5065 dan Ṣaḥīḥ Muslim, no. Hadis 3466].

Imam Nawawi (2022) menjelaskan apabila seseorang itu berkemampuan dari sudut kewangan serta jimak, maka digalakkan supaya berkahwin kerana perkahwinan tersebut mampu untuk menundukkan mata dan memelihara faraj. Jika sebaliknya, maka disarankan untuk membina benteng dan perisai kepada nafsu syahwat iaitu menahan diri dengan berpuasa.


Al-Syarbinī (2020) menjelaskan terdapat lima (5) rukun di dalam perkahwinan, rukun ini wajib dipatuhi iaitu:

- 1) Pengantin lelaki,
- 2) Pengantin perempuan,
- 3) Lafaz/akad,
- 4) Wali dan,
- 5) Dua orang saksi.

Kurangnya salah satu daripada lima (5) rukun ini boleh menyebabkan perkahwinan itu tidak sah dan terbatal. Panduan ini ditetapkan oleh syarak bagi mengelakkan daripada berlakunya kemudaratan kepada suami dan isteri.

Sekurang-kurangnya Rasulullah SAW telah mempermudah umatnya terutamanya golongan lelaki yang ingin berkahwin dengan tip yang mudah dalam memilih pasangan hidup. Terdapat empat (4) kriteria yang perlu ada pada wanita yang ingin dia kahwini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari.

Rajah 1: Empat Kriteria Pemilihan Pasangan Menurut Hadis




(Analisis daripada hadis Ṣaḥīḥ al-Bukhāri)

Kriteria paling utama dalam memilih pasangan adalah agamanya, manakala tiga kriteria lain adalah tambahan dan juga sebagai pelengkap kepada ciri-ciri pasangan yang sempurna. Al-Taḥṭawī (2015) mengulas empat kriteria ini di dalam kitab *Syarḥ Kitāb Nikāḥ Dar al-Kutub ‘Ilmiyyah* sebagai panduan asas kepada kaum lelaki dalam memilih pasangan perempuan. Kriteria tambahan dalam memilih calon adalah perempuan yang datang daripada persekitaran yang baik dan perempuan yang sihat dan subur.

Hukum asal perkahwinan adalah sunat menurut pendapat majoriti para ulama dengan berlandaskan kepada surah al-Nisa’ ayat 3; “*Maka berkahwinlah kamu dengan wanita-wanita yang disenangi dua, tiga ataupun empat. Jikalau kamu takut untuk berlaku adil, maka kahwinilah seorang sahaja*” (Al-Nawawi, 2022).

#### 4. Bentuk-bentuk *ḥiyāl* dalam perkahwinan

Berikut adalah lima (5) bentuk *ḥiyāl* dalam perkahwinan hasil analisis yang telah dijalankan oleh pengkaji;

Rajah 2: Bentuk-bentuk *ḥiyāl* dalam perkahwinan

(Ringkasan tinjauan awal kajian)

#### 4.1 Nikah *Tahlil*

Definisi nikah *tahlil* atau *muhallil* adalah apabila seorang lelaki (suami kedua) yang diupah untuk mengahwini seorang wanita yang telah diceraikan dengan talak tiga oleh suami pertama, dengan tujuan untuk menghalalkan suami pertama berkahwin semula dengan bekas isterinya itu selepas suami kedua menceraikannya. *Hiyāl* yang digunakan oleh bekas suami supaya dapat kembali semula kepada bekas isterinya yang ditalak tiga dengan cara mengupah lelaki lain menjadi ‘suami sementara’.

Perkahwinan *tahlil* atau *muhallil* adalah haram dan dilaknati oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW :

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُحَلَّلَ وَالْمُحَلَّلَ لَهُ

Terjemahan: Rasulullah SAW melaknat seseorang yang menikahi wanita yang ditalak 3 dengan niat untuk menjadikan halal kepada bekas suami dan ke atas siapa yang dia dihalalkan (Sunan al-Tarmizi, no. Hadis 1120).

Nikah *tahlil* atau *muhallil* yang dinamakan juga “Cina Buta” merupakan suatu bentuk *hiyal* kerana perkahwinan yang diadakan bagi menghalalkan kembali perkahwinan antara lelaki dengan bekas isterinya yang telah diceraikan dengan talak tiga. Perkahwinan bentuk ini tidak mencapai objektif sebenar syarak agar kekal selama-lamanya.

#### 4.2 Nikah *Mut’ah*

Definisi nikah *mut’ah* ialah satu aqad antara lelaki dan perempuan bagi satu tempoh dengan mahar tertentu mengikut persetujuan kedua belah pihak (suami dan isteri) sama ada untuk tempoh seminggu atau sebulan ataupun sehari. Nikah *mut’ah* juga turut dikenali dengan nama “Nikah Kontrak”. Menurut Sayyid Sharaf al-Din (2007), setelah mendapat persetujuan kadar mahar dan juga tempoh perkahwinan bagi kedua-dua pihak, maka lafaz nikah ini daripada seorang perempuan berkata kepada seorang lelaki: “*Aku nikahkan diriku denganmu dengan mahar sebanyak (disebut dalam akad) sehingga tempoh (seperti yang dipersetujui dan mesti secara tepat).*” Sejurus itu, pihak lelaki hanya perlu menjawab dengan kadar segera dengan lafaz: “*Saya terima*”. Perkahwinan ini tamat apabila tamatnya tempoh yang ditetapkan tanpa perlu kepada talak atau perceraian (Zaidan, 1997).

Pada zaman sebelumnya, nikah *mut’ah* ini adalah dibenarkan sehinggalah sampai kepada baginda Rasulullah SAW, hukum nikah *mut’ah*

ini haram selama-lamanya kerana maqāsid nikah mut'ah ini hanyalah untuk keseronokan semata-mata (al-Syawkānī, 2019) serta tidak selari dengan matlamat asal sebuah ikatan perkahwinan yang sebenarnya. Malah nikah mut'ah ini juga dikategorikan di bawah larangan oleh Rasulullah SAW (al-Zuhaily, 2012). Berdasarkan dalil hadis:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ نَهَى عَنِ الْمُتْعَةِ، وَقَالَ: أَلَّا إِنَّهَا حَرَامٌ مِنْ يَوْمِكُمْ هَذَا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ كَانَ أُعْطِيَ شَيْئًا فَلَا يَأْخُذْهُ

Terjemahan: Sesungguhnya Rasulullah SAW melarang untuk kahwin mut'ah. Baginda bersabda: “Ketahuilah bahawa sejak hari ini kahwin mut'ah itu hukumnya haram sampai kiamat nanti. Jadi, sesiapa yang pernah memberikan sesuatu, maka janganlah dia ambil kembali” [Ṣaḥīḥ Muslim, no. Hadis 1406, hadis ini ṣaḥīḥ].

Nikah mut'ah dikategorikan sebagai salah satu bentuk ḥiyāl kerana menghalalkan perhubungan secara bertempoh. Helah nikah bermatlamatkan hawa nafsu semata-mata dan bebas dari menunaikan hak dan tanggungjawab sedang matlamat utama perkahwinan adalah kekal sepanjang hayat.

#### 4.3 Nikah Syighār

Definisi nikah syighār boleh diumpamakan dengan nikah kontrak kerana ikatan perkahwinan yang dimeterai berasaskan perjanjian secara pertukaran. Contohnya, seorang lelaki itu mengahwinkan anak perempuannya atau sesiapa yang berada di bawah wilayahnya seperti anak perempuan atau saudara perempuannya kepada lelaki lain, tetapi dengan syarat lelaki itu turut mengahwinkan anak perempuan atau saudara perempuannya kepada lelaki tersebut.

Nikah syighār merupakan suatu bentuk ḥiyāl perkahwinan kerana dilaksanakan tanpa mahar dan mengelak daripada menunaikan tanggungjawab sebagai seorang suami. Bahkan boleh membawa mudarat terhadap perempuan kerana dinafikan hak dalam memilih pasangan. (Sayyid Sabiq, 2013). Malah nikah al-Syighār adalah suatu perbuatan yang batil kerana terdapat unsur paksaan dan kezaliman terhadap seorang wanita. Para ulama membuat perumpamaan perbuatan al-syighar ini sama buruknya dengan perbuatan anjing yang kencing sambil mengangkat sebelah kakinya.

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ نَهَى عَنِ الشِّغَارِ. وَالشِّغَارُ أَنْ يُزَوَّجَ الرَّجُلُ ابْنَتَهُ عَلَى أَنْ يُزَوَّجَهُ الْآخَرُ ابْنَتَهُ لَيْسَ بَيْنَهُمَا صَدَاقٌ

Terjemahan: Sesungguhnya Rasulullah SAW melarang perbuatan al-syighar. Dan al-syighar adalah seseorang lelaki itu mengahwinkan anak perempuannya kepada seorang lelaki lain dengan syarat lelaki tersebut mengahwinkan anak perempuannya juga kepadanya tanpa sebarang mahar di antara keduanya. [Ṣaḥīḥ al-Bukhāri, no. Hadis 5112, hadis ini ṣaḥīḥ]

#### 4.4 Nikah Misyār

Definisi nikah misyār, pernikahan yang lengkap dari segi rukun dan syaratnya, bahkan termeterainya ikatan perkahwinan ini atas dasar suka sama suka. Akan tetapi, isteri merelakan beberapa haknya seperti hak nafkah, hak giliran atau hak tempat tinggal atau tidur bersama, tidak dipenuhi oleh suaminya (al-Asyqar, 2005).

Menurut Syeikh Yusuf Qaradhwani, nikah misyār ini merupakan satu fenomena baru dalam masyarakat Islam yang muncul di negara-negara Teluk khususnya di Arab Saudi, dalam tempoh beberapa tahun yang lalu (Mushaddad Hasbullah et.al, 2018). Bahkan menurut Syeikh Ahmad al-Tamimi, nikah misyār muncul buat pertama kalinya di daerah al-Qosim di Arab Saudi dan kemudiannya tersebar ke pertengahan kawasan Arab Saudi. Menurut kajian Mushaddad Hasbullah et.al (2018), Fahd al-Ghunaim yang mempelopori idea perkahwinan ini kerana beliau telah diminta untuk menyelesaikan isu perkahwinan bagi kaum wanita yang berumur (andartu) dan tidak berkesempatan untuk berkahwin seperti biasa serta kaum janda yang memerlukan teman hidup (al-Asyqar, 2005).

Majoriti ulama' menyatakan bahawa nikah misyār adalah sah dari sisi agama Islam selagi mana ia mengikut syarat-syarat dan ketetapan syarak, bahkan dibolehkan kerana ia dilihat sebagai penyelesaian kepada beberapa masalah sosial dengan cara yang halal dan ekoran kesusahan hidup dari segi ekonomi dan perkembangan individu serta masyarakat. Oleh itu, nikah misyār merupakan salah satu bentuk *ḥiyāl* dalam perkahwinan kerana sebahagian hak dan tanggungjawab digugurkan secara rasmi berdasarkan persetujuan bersama antara suami dan isteri.

#### 4.5 Nikah Sirri

Definisi nikah *sirri* iaitu merupakan satu akad nikah yang dilaksanakan tanpa kehadiran saksi antara pihak lelaki (suami) dan pihak wanita (isteri).

Tambahan itu, pernikahan itu tidak dihebohkan kepada masyarakat umum serta tidak didaftarkan secara rasmi di Pejabat Agama. Kehidupan selepas berkahwin ini adalah secara tersembunyi tanpa pengetahuan orang ramai termasuklah ahli keluarga sendiri tentang pernikahan tersebut.

Menurut Imam al-Syafi'i, hukum nikah itu sah walaupun dirahsiakan, namun dianggap sebagai satu perbuatan yang makruh kerana boleh menimbulkan keraguan dan boleh mencetuskan fitnah. Sebahagian ulama berpandangan hebahan pernikahan melalui majlis walimatulurus adalah sunat kerana terdapat anjuran mengadakan walimatul urus berdasarkan riwayat daripada Anas bin Malik RA berkata:

مَا أَوْلَمَ النَّبِيُّ ﷺ عَلَى شَيْءٍ مِنْ نِسَائِهِ مَا أَوْلَمَ عَلَى زَيْنَبَ، أَوْلَمَ بِشَاةٍ

Terjemahan: Nabi SAW tidak pernah mengadakan walimah atas (pernikahannya) dengan isteri-isterinya sebagaimana walimah atas (pernikahannya) dengan Zainab, Baginda mengadakan walimah dengan (menyembelih) seekor kambing.


[*Ṣaḥīḥ al-Bukhari*, no. Hadis 5168 dan *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. Hadis 1428, Hadis ini *Ṣaḥīḥ*]

Nikah *sirri* dikategorikan sebagai salah satu bentuk *ḥiyāl* kerana menafikan hak di dalam undang-undang sebagai seorang suami dan bapa. Seterusnya membawa kemudaran yang lebih besar kepada institusi kekeluargaan kerana isteri dan anak-anak dinafikan hak apabila berlaku sebarang masalah rumah tangga.

Berdasarkan kesemua bentuk *ḥiyāl* dalam perkahwinan yang dijelaskan di atas, ulama berbeza pandangan dalam mengharuskan serta menegah. Oleh itu, suatu penilaian hukum diperlukan bagi melihat semua sudut agar pengamalannya tidak mendatangkan kemudaran kepada pihak yang terlibat.

## 5. Penilaian Hukum *Hiyāl* dalam Perkahwinan

Rajah 3: Hukum *hiyāl* dalam perkahwinan



Beberapa perkara perlu dinilai dalam mengeluarkan hukum sama ada perbuatan tersebut membawa kepada manfaat atau mudarat. Penilaian ini amat penting dalam memastikan hukum yang dikeluarkan bertepatan dengan syarak. Tujuannya demi menjaga kemaslahatan lima (5) asas utama meliputi agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Jasser Auda, 2022).

Perbuatan *hiyāl* dalam perkahwinan juga terkandung di dalam salah satu *masalahah* yang lima (5) iaitu menjaga keturunan. Oleh kerana itu, pengeluaran hukum bukan sahaja dinilai dari sudut *masalahah*. Perkara ini penting dalam memelihara keaslian syariah dengan cara menarik manfaat dan menolak segala perkara yang merosakkan ataupun mendatangkan keburukan.

Penilaian sesuatu hukum juga perlu melalui tiga tingkatan keutamaan iaitu *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. *Maslahah* tertinggi iaitu *daruriyyat*, diikuti dengan *hajiyyat* yang mencerminkan keperluan manusia dan diakhiri dengan *masalahah tahsiniyyat* sebagai pelengkap kehidupan. Dalam hal ini, implikasi yang mempengaruhi *daruriyyat* mesti dipertimbangkan terlebih dahulu, kemudian diikuti dengan *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* (al-Khadimiy, 2023).

Oleh yang demikian, pertimbangan *masalahah* dalam perkahwinan adalah penting untuk memastikan tercapainya maqasid syariah dalam institusi kekeluargaan seiring dengan lima aspek penjagaan iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta.

## 6. Kesimpulan

Makalah ini menyimpulkan bahawa *hiyāl* merupakan satu bentuk alternatif dan penyelesaian bagi mengharuskan ikatan perkahwinan. Keharusan *hiyāl* adalah bergantung kepada nas syarak yang diikat dengan syarat-syarat yang ketat bagi tujuan menjaga kemaslahatan. Kajian ini menemui (5) lima bentuk *hiyāl* dalam perkahwinan yang dikupas oleh ulama terdahulu iaitu Nikah Taḥlīl, Nikah Mut'ah, Nikah Syighār, Nikah Misyār dan Nikah Sirri. Keharusan bentuk perkahwinan perlu diteliti dari sudut pertimbangan *masalah* dan tingkatan keutamaan iaitu daruriyyat, hajiyyat dan tahsiniyyat. Proses ini penting bagi memelihara keutuhan institusi keluarga dan memastikan undang-undang syariah dapat diaplikasikan dengan baik.

## Rujukan

- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad. (2019). *Ihya` Ulum al-Din*. Beirut: Dar Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Ghazzi, Ibn Qasim. (2020). *Fath Qarib al-Mujib fi Syarh alFaz al-Taqrīb*. Amman: Maktabah al-Wataniyyah
- Ali Ahmad Abd al-'Al al-Ṭaḥṭawi. (2015) *Al-Alaqaṭ al-Zaujiyyah fi Dhawi al-Kutub wa al-Sunnah al-Nabawiyyah wa al-Aqwal al-Aimmah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Khadimiy, Nuruddin bin Mukhtar.(2023). *Al-Ijtihad al-Maqasidiy: Hujjiyatuhu wa Dhawabituhu*. Dar Makkah.
- Al-Khallaf, Abd Wahhad. (2017). *Ahkam Ahwal al-Syakhshiyyah*. Dimasyq: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Maḥy al-Dīn Abī Zakariyā Yaḥya bin Syarf. (2022). *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawawi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. (1995). *Bay al-murabahah lil amr bi al-shira kama tujrih al-masarif al-Islamiyah: Dirasah fi daw' al-nusus wa-al-qawaid al-shariyah*. Qaerah: Maktabah Wahbah.
- Al-Syarbini, Syams al-Din Muhammad bin Ahmad. (2020). *Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Dar kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Syawkānī, Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad bin 'Abd Allāh. (2019). *Nayl al-Awṭār Min Asrār Muntaqa al-Akḥbār*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Zuḥailīy, Wahbah. (2012). *Mawsū'ah al-Fiqh al-Islāmīy wa al-Qaḍāyā al-Mu'āṣirah*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhaily, Wahbah. (2012). *Mawsu`ah Fiqh al-Islamiy*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Hasan Ayyub. (2006). *Fiqh al-Muamalat al-Maliyyah fi al-Islam*. Qaerah: Dar al-Salam.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah. (2012). *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Beirut: Dar Ulum al-'Ilmiyyah.
- Ibn Kathīr. (2021). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Beirut: Dar Ibn Katheer.
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram Ibn Ali Ibn Manzur al-Ansari al-Khazraji. (1993). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibn Nujaym, Zayn al-Dīn bin Ibrāhīm bin Muḥammad. (2019). *Al-'Asybah wa al-Nazā'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.



- Jasser Auda. (2022). *Maqasid al-Shariah: An Introductory Guide*. Selangor: Penerbit International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Md Said, M. H., Md Hashim, N., Abdul Hak, N., Che Soh@Yusoff, R., Ahmad Fuzi, F. H., & Yaakob, K. (2020). Kajian Sosioperundangan Perkahwinan Merentasi Sempadan di Nusantara. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*. 5(2), 129-151.
- Muhammad Bin Ibrahim. (1983). *Al-Hiyāl al-Fiqhiyyah fī al-Mu‘amalat al-Māliyyah*. Qaherah: Dar Arabiyyah li Kutub.
- Mushaddad Hasbullah, Mohamad Zaharuddin Zakaria, Farhana Mohamad Suhaimi. Perkahwinan Misyar: Kajian dari Perspektif Syariah. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. Vol 8, no. 2, Disember 2018, ISSN: 1985-7454 | E-ISSN: 2590-4396.
- Sayyid Sharaf al-Din. (2007). *Al-Fusul al-Muhimmah fī Ta‘lif al-Ummah*. Baghdad: Dār al-Kitāb al-‘Arabīy.
- Usamah Umar Sulaiman al-Asyqār. (2005). *Mustajaddāt al-Fiqhiyyah fī Qaḍayā al-Zawāj wa al-Ṭalaq*. Ammān: Dār al-Nafais.
- Zaidan, Abd al-Karim. (1997). *Al-Mufassal fī ahkam al-mar‘ah wa bait al-Muslim fī al-syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.